

Pertemuan PM dengan Pope Paul ikut sunah Nabi — Nik Aziz

Oleh ZULKIFLI JALIL

UM 28 MAY 2002

KUALA LUMPUR 27 Mei — Pas menganggap pertemuan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan Pope John Paul II di Vatican City bulan depan sebagai mengikut sunah Nabi Muhammad s.a.w. yang sering mengadakan pertemuan dengan orang bukan Islam termasuk Kristian dan Yahudi.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, oleh itu persetuju-

an Perdana Menteri menerima jemputan pemimpin tertinggi Katolik tersebut tidak wajar dipersoalkan kerana ia tidak salah di sisi Islam.

Malah, beliau berharap Dr. Mahathir dapat menyampaikan rasa kebimbangan umat Islam kepada Pope mengenai isu keganasan yang sering dikaitkan dengan Islam.

Nik Abdul Aziz menjelaskan bahawa semasa mula-mula memegang jawatan Menteri Besar Kelantan, be-

liau sendiri dua kali memenuhi jemputan pemimpin agama Buddha di Thailand dengan dihadiri sama oleh gabenor-gabenor Wilayah dari negara itu.

● Komen pelbagai pihak — Muka 2

Beliau seterusnya berkata, pertemuan Dr. Mahathir nanti akan lebih bermakna jika Perdana Menteri boleh mempengaruhi Pope supaya menghalang Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush daripada 'memberi so-

kongan' kepada pencerobohan Israel ke atas Palestin.

"Dari segi Islam pertemuan ini tidak salah kerana Nabi Muhammad selalu berjumpa orang-orang Yahudi," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau diminta mengulas persetujuan Dr. Mahathir untuk menerima jemputan Pope semasa lawatan kerja beliau ke Switzerland dan Luxembourg dari 9 hingga 12 Jun ini.

Menurut Perdana Mente-

ri, keputusan itu akan disampaikan kepada jemaah menteri dalam mesyuarat Kabinet, Rabu ini.

Menurut Nik Abdul Aziz, beliau yakin Pope lebih mengetahui daripada orang Kristian lain mengenai tekanan yang diterima umat Islam ketika ini memandangkan dia adalah ketua agama Roman Katolik.

Dalam hubungan ini, kata beliau, sebagai orang Kristian, sepatutnya Bush tidak bertindak menyokong keganasan.